PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 MARCH 2015

PM terima pesawat Airbus A400M milik TUDM

um - 18/3/2015

LANGKAWI 17 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menerima secara rasmi sebuah daripada empat pesawat Airbus A400M milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LIA) di sini, hari ini.

Pesawat pengangkut itu diterima secara rasmi oleh kerajaan yang diwakili oleh Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin dalam satu majlis di Seville, Sepanyol, pada 9 Mac lalu.

Ia kemudian diterbangkan dari Sepanyol terus ke negara ini pada 12 Mac lalu dan selamat mendarat di Pangkalan Udara Subang, dua hari kemudiannya.

Dua lagi pesawat sama dijangka diterima pada Disember tahun ini manakala baki sebuah lagi pada April tahun hadapan.

Najib kemudian merasmikan Kompleks Orang Kenamaan (VIP) di LIA, diberi nama Lang Merah yang mengambil nama sempena salah satu spesies unik burung helang di pulau pelancongan itu.

Kompleks berkeluasan 600 meter persegi yang terletak bersebelahan bangunan terminal tersebut bernilai RM4.8 juta dan mengambil masa selama sembilan bulan untuk disiapkan.

Bangunan tersebut dibina bagi memudahkan pergerakan VIP di lapangan terbang berkenaan.